

BH menang 2 anugerah Malam Media USIM

Dr Musa (dua dari kiri) bersama Ketua Biro BH Seremban, Ziauddin Sharuddin (kiri) dan wartawan BH, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi (kanan) dan Ifwan Tun Tuah yang memenangi anugerah sempena **Majlis Makan Malam Media USIM 2016** di Seremban, malam tadi.

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]



Seremban: BH memenangi dua anugerah daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sempena Majlis Makan Malam Media USIM 2016 di sini, malam tadi.

Terima sijil, wang tunai RM500

Ia membabitkan Anugerah Liputan Berita Kampus Kategori Sipsan dan Anugerah Liputan Berita Kampus Kategori Penyelidikan, manakala *Harian Metro* pula menang Anugerah Liputan Berita Kampus Kategori Setempat, Anugerah Penulisan Rencana Kategori Pendidikan dan Anugerah

Senandung Budi.

Pemenang setiap kategori menerima sijil, piala dan wang tunai RM500 pada majlis yang turut dihadiri Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad; Timbalannya (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Zulkiple Abd Ghani dan Pengarah Pusat Komunikasi Strategiknya, Dr Mohd Faizal Kasmani.

Dalam ucapannya, Musa berkata, anugerah itu antara lain bagi menghargai hubungan erat pihak universiti dengan media yang membolehkan USIM semakin dikenali.